
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JMK 314 – Karya Terpilih Kesusasteraan Arab Moden

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Bincangkan sumbangan tokoh-tokoh berikut dalam perkembangan Kesusasteraan Arab Moden.
 - (a) Khalil Matran (1872 – 1949)
 - (b) Nagiub Mahfouz (1911 – 2006)
 - (c) Ghassan Kanafani (1936 – 1972)

(25 markah)
2. Siapakah watak Nafisah dalam novel *Bermula dan Berakhir*, karya Nagiub Mahfouz dan mengapakah beliau bertindak terjun dari atas jambatan?

(25 markah)
3. Novel *Season of Migration to the North*, karya Tayib Saleh boleh dianggap sebagai sebuah novel simbolik, khususnya jika dirujuk pada tindak tanduk watak utamanya Mustaffa Saed. Bincangkan.

(25 markah)
4. Kematian watak-watak yang ingin mencari kehidupan baru dalam novel *Men In The Sun*, karya Ghassan Kanafani membayangkan perjuangan rakyat Palestin yang tiada akhirnya. Bincangkan.

(25 markah)
5. Pada pendapat anda, mengapakah Tawfiq al-Hakim menghasilkan drama *The People of the Cave* dengan mengadaptasikannya dari surah Al-Kahf.

(25 markah)
6. Bincangkan persoalan yang terdapat dalam cerpen-cerpen berikut:
 - (a) “*Musim Panas*” oleh Zakaria Tamer
 - (b) “*Beg Pakaian Yang Hilang*” oleh Abdel Maniem Selim
 - (c) “*Lelaki dan Ladangnya*” oleh Yusuf Sharouni

ATAU

Analisis persoalan yang ingin disampaikan oleh penyair Harun Rashid dalam puisi yang berjudul “*Pekekkan Pejuang*” terjemahan Abd. Wahab Awang Kechik (rujuk lampiran A).

(25 markah)

Lampiran A

Pekekkan Pejuang

Aku tidak akan hidup memencil diri
Aku tidak akan hidup dibelenggu
Aku mempunyai masa depan
Besok aku akan merangkak
Kerana menentang penjajahan dan perampas
Aku tidak takut ribut taufan yang
memusnahkan masa depan
Dan puting beliung yang melatarkan kehancuran
yang menghitamkan.

Aku tidak takut bom, senapang, pisau dan pedang
Aku memiliki kebenaran yang besar
aku akan lakukan besok
Akulah pengrevolusi yang besar
yang melaung untuk menghancurkan taufan
dan kebinasaan
Aku jauh dari tanah airku
Negaraku di sana
Kemuliaanku dan tempat perhimpunan rakyat

Aku dibesarkan di bumi pahlawan
dan mempunyai kemuliaan
Waktu kecilku mempunyai setegok harapan
di atas bukit aku berpagi-pagi
Jiwa mudaku bersemangat juang
Aku memikul senjata kerana perjuangan.

Kepahlawananku tumbuh di sana
dan subur di bawah embun
Pekekkan bangsaku tidak akan disia-siakan
dan tidak akan terkubur bersama hilangnya suara
Ia sentiasa bersama kelopak mata mereka
dengan penuh gerun dan menakutkan.

Tanah airku di sana
Aku tidak akan memencilkan diri kerananya
Aku akan menebusnya
Aku akan mengembalikannya
sebagai tanah air yang mulia.

Besok aku akan gegarkan dunia
Aku akan menawan tentera penjajah
Aku berjanji dengan anak bangsaku
jauh sekali aku melupai janji.

(oleh: Harun Rashid (Palestin))
(Terjemahan: Ustaz Abdul Wahab Awang Kechik)
Dipetik dari Majalah *al – Qirāat wa – Nusūsul – Adabiah*
Juzuk Ke-2, Dis. 1990, h. 223-224

